



SOALAN-SOALAN LAZIM
MENGENAI MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN ANGKASA KE-40
(MAPA 2026)

1.	<p>Soalan: Siapakah yang layak menjadi perwakilan koperasi ke MAPA 2026?</p> <p>Jawapan: Setiap koperasi anggota ANGKASA yang telah menjelaskan fi masuk layak menyertai MAPA dan berhak mempunyai satu undi menurut UUK 23.</p> <p>Walau bagaimanapun, kelayakan tersebut adalah tertakluk kepada peruntukan UUK 24.</p> <p><u>UUK 24 - Perwakilan Koperasi Anggota</u></p> <p>24. (1) <i>Setiap koperasi anggota berhak menghantar Perwakilan Koperasinya untuk menyertai Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA tertakluk kepada syarat berikut:</i></p> <ul style="list-style-type: none">(a) <i>tertakluk kepada Undang-undang Kecil ini, prinsip yang terpakai ialah “satu koperasi satu perwakilan” dan “satu individu satu koperasi”;</i>(b) <i>seseorang anggota koperasi anggota yang dipilih sebagai Perwakilan Koperasi hanya boleh menjadi Perwakilan Koperasi bagi koperasi anggota itu sahaja;</i>(c) <i>hanya Perwakilan Koperasi yang mematuhi kelayakan yang berikut layak menyertai Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA:</i><ul style="list-style-type: none">i. <i>Perwakilan Koperasi itu hendaklah dari kalangan anggota Lembaga koperasi anggota;</i>ii. <i>Perwakilan Koperasi itu hendaklah dilantik dalam mesyuarat anggota Lembaga koperasi anggota itu; dan</i>iii. <i>Perwakilan Koperasi tidak mempunyai apa-apa sekatan kelayakan untuk menyertai Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA tertakluk kepada Undang-undang Kecil 23.</i> <p>(2) <i>Mana-mana Perwakilan Koperasi anggota layak menjadi calon untuk dilantik dibawah Undang-undang Kecil 22–</i></p> <ul style="list-style-type: none">(a) <i>anggota Lembaga ANGKASA;</i>(b) <i>anggota Jawatankuasa Menentusah Draf Minit Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA;</i>(c) <i>Pengerusi Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA; atau</i>(d) <i>Timbalan Pengerusi Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA.</i>
-----------	--

	<p>(3) <i>Seorang Perwakilan Koperasi tidak layak menjadi Perwakilan Koperasi apabila:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> (a) <i>dia tidak lagi menjadi anggota Lembaga koperasi anggota yang diwakilinya;</i> (b) <i>dia tidak hadir Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA tanpa sebab yang munasabah yang diberitahu terlebih dahulu;</i> (c) <i>dia menerima apa-apa pelantikan bergaji tetap di dalam ANGKASA;</i> (d) <i>dia tidak lagi menjadi anggota koperasi anggota yang diwakilinya;</i> (e) <i>koperasi anggota yang diwakilinya telah –</i> <ul style="list-style-type: none"> <i>i. tidak lagi menjadi anggota ANGKASA;</i> <i>ii. diletakkan di bawah pengambil alihan menurut Akta;</i> <i>iii. digantung, dibubarkan atau dibatal pendaftarannya menurut Akta; atau</i> (f) <i>selain daripada yang dinyatakan dalam perenggan (a) hingga (e), apa-apa perkara lagi yang menyebabkan dia tidak layak menjadi Perwakilan Koperasi menurut Akta, Peraturan atau Undang-undang Kecil ini.</i> <p>(4) <i>Seseorang Perwakilan Koperasi akan terlucut jawatannya jika berlaku kekosongan kepada jawatannya di bawah Undang-undang Kecil ini. Kekosongan bagi Perwakilan Koperasi berlaku apabila Perwakilan Koperasi itu –</i></p> <ul style="list-style-type: none"> (a) <i>mati;</i> (b) <i>tidak layak menjadi Perwakilan Koperasi menurut fasal (3);</i> (c) <i>meletak jawatan; atau</i> (d) <i>gila atau kesihatannya menjejaskan prestasi tugas dan tanggungjawab menurut laporan pengamal perubatan yang dilantik Lembaga ANGKASA.</i> <p>(5) <i>Jika berlaku kekosongan dalam Perwakilan Koperasi, maka kekosongan tersebut boleh diganti dan hendaklah diisi dikalangan anggota Lembaga koperasi anggota berkenaan dan hendaklah mematuhi syarat kelayakan Perwakilan Koperasi serta dimaklumkan kepada Ketua Pegawai Pengurusan Kumpulan mengikut kaedah dan tempoh yang ditetapkan oleh Lembaga ANGKASA.</i></p>
--	---

2.	<p>Soalan: <i>Siapakah yang layak bertanding sebagai calon Anggota Lembaga ANGKASA dalam MAPA 2026?</i></p>
	<p>Jawapan: Seorang Perwakilan yang layak bertanding hendaklah memenuhi syarat dan kelayakan seperti mana dibawah menurut UUK 27 serta syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Lembaga ANGKASA di dalam Notis Pemberitahuan MAPA.</p> <p><u><i>UUK 27 - Kelayakan untuk menjadi anggota Lembaga ANGKASA</i></u></p> <p>(1) <i>Dalam menentukan sama ada seorang perwakilan layak dan sesuai untuk dilantik sebagai anggota Lembaga ANGKASA, kriteria yang berikut hendaklah diambil kira:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> (a) <i>ketekunan, kewibawaan dan kewajaran keputusannya; dan</i> (b) <i>reputasi, perwatakan, integriti dan kejujurannya, dan dijalankan melalui proses penentusahan di peringkat koperasi yang diwakilinya.</i>

	<p>(2) <i>Tiada seorang perwakilan pun layak menjadi anggota Lembaga atau kekal sebagai seorang anggota Lembaga ANGKASA, jika dia –</i></p> <ul style="list-style-type: none"> (a) <i>belum genap tempoh dua tahun menjadi anggota koperasi diwakilinya bagi koperasi yang telah didaftarkan melebihi dua tahun;</i> (b) <i>telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Akta dan kesalahan boleh daftar sepertimana yang ditafsirkan di bawah seksyen 2 Akta Pendaftaran Penjenayah Dan Orang Yang Tidak Diingini 1969, [Akta 7];</i> (c) <i>telah dipecat sebagai seorang pegawai sesuatu koperasi;</i> (d) <i>menjadi anggota Jawatankuasa Audit Dalaman bagi sesuatu koperasi;</i> (e) <i>menerima apa-apa pelantikan bergaji tetap bagi sesuatu koperasi;</i> (f) <i>menjadi tidak sempurna akal atau selainnya, menjadi tidak berupaya untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya; dan</i> (g) <i>terhenti menjadi anggota kepada koperasi anggota yang diwakilinya;</i> <p>(3) <i>Bagi mana-mana koperasi anggota yang kurang daripada lima puluh orang atau kurang dan bagi sesuatu koperasi sekolah adalah tidak tertakluk kepada perenggan (a) fasal (2).</i></p> <p>(4) <i>Kriteria koperasi yang diwakili hendaklah mempunyai –</i></p> <ul style="list-style-type: none"> (a) <i>prestasi kewangan yang kukuh dan impak signifikan kepada pergerakan koperasi;</i> (b) <i>kumpulan wang anggota yang positif;</i> (c) <i>keuntungan terkumpul positif; dan</i> (d) <i>kriteria lain ditentukan oleh Suruhanjaya termasuklah tiada tunggakan Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi, Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi, tunggakan TMP-SKM serta mematuhi sepenuhnya perundangan koperasi dalam tempoh tiga tahun terkini;</i> <p>(5) <i>Pencalonan anggota Lembaga ANGKASA hendaklah dikemukakan untuk penentusahan Suruhanjaya di bawah subseksyen 43(2) Akta.</i></p> <p>(6) <i>Lembaga ANGKASA boleh menubuhkan Jawatankuasa Kesahihan Wakil dan Calon dan menentukan tatacara yang jelas berhubung proses pencalonan Lembaga melalui Aturan dengan kelulusan Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA.</i></p>
--	--

3.	<p>Soalan: Bolehkah anggota Jawatankuasa ANGKASA Negeri (JKAN) / Anggota Lembaga ANGKASA yang tidak dinamakan sebagai perwakilan oleh koperasinya hadir ke MAPA 2026?</p>
	<p>Jawapan: Tidak boleh hadir dan tidak mempunyai hak mengundi atas kapasiti anggota JKAN / Lembaga ANGKASA. Hanya seorang perwakilan sahaja dibenarkan mewakili satu koperasi.</p> <p>UUK 24(1)(a) - Setiap koperasi berhak menghantar seorang Perwakilan Koperasinya untuk menyertai MAPA 2026. Prinsip yang terpakai ialah “satu koperasi, satu perwakilan” dan “satu individu, satu koperasi”.</p>

4.	<p>Soalan: Bolehkan Perwakilan menggunakan telefon lain untuk mengundi selain nombor telefon yang didaftarkan?</p> <p>Jawapan: Tidak boleh, kerana kata laluan untuk pengundian akan dihantar ke telefon bimbit yang didaftarkan melalui Khidmat Pesanan Ringkas (SMS). Oleh itu, perlu menggunakan telefon bimbit yang sama.</p>
5.	<p>Soalan: Adakah cabutan minit Mesyuarat ALK koperasi yang diadakan sebelum Notis Pemberitahuan MAPA 2026 dikeluarkan boleh diterima sebagai pengesahan perwakilan dan pengganti?</p> <p>Jawapan: Tiada ketetapan khusus yang menyatakan bahawa Mesyuarat ALK koperasi yang diadakan sebelum pengeluaran notis MAPA tidak boleh diterima. Walau bagaimanapun, koperasi tersebut hendaklah menyatakan dengan jelas tahun penamaan perwakilan berkenaan serta menyebut bilangan MAPA ke berapa bagi mengelakkan sebarang kekeliruan.</p>
6.	<p>Soalan: Bolehkah perwakilan MAPA 2026 bertanding sebagai calon Naib Presiden dan juga calon anggota Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Anggota Perwakilan ANGKASA pada masa yang sama?</p> <p>Jawapan: Tidak boleh. Perwakilan koperasi anggota hanya boleh bertanding hanya satu jawatan sahaja.</p> <p><u>UUK 24 - Perwakilan Koperasi Anggota</u></p> <p>24. (2) Mana-mana Perwakilan Koperasi anggota layak menjadi calon untuk dilantik dibawah Undang-undang Kecil 22–</p> <p>(a) anggota Lembaga ANGKASA; (b) anggota Jawatankuasa Menentusah Draf Minit Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA; (c) Pengerusi Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA; atau (d) Timbalan Pengerusi Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA.</p>
7.	<p>Soalan: Jika Perwakilan telah menyerahkan Borang Penamaan Perwakilan mewakili koperasi A, tetapi kemudian bertukar ke koperasi B dan menghantar borang baharu sebelum tarikh tutup, adakah dibenarkan?</p> <p>Jawapan: Boleh, dengan syarat pertukaran dimaklumkan kepada Pejabat ANGKASA Negeri untuk penyelarasan sistem pendaftaran perwakilan dan borang baharu hendaklah dihantar semula sebelum tarikh tutup pendaftaran MAPA 2026.</p>

8.	<p>Soalan: Apakah status kedudukan anggota Jawatankuasa ANGKASA Negeri (JKAN) sekiranya anggota JKAN tersebut tidak hadir ke MAPA 2026. Adakah beliau masih dianggap sebagai anggota JKAN?</p>
	<p>Jawapan: Menurut Aturan 17, tiada syarat yang menyatakan jika anggota JKAN tidak menghadiri MAPA, maka jawatan anggota JKAN tersebut akan terlucut.</p>

9.	<p>Soalan: Jika seorang guru yang merupakan ALK koperasi sekolah A berpindah ke sekolah B, bolehkah beliau menjadi Perwakilan sekolah B ke MAPA 2026?</p>
	<p>Jawapan: Boleh, dengan syarat koperasi sekolah B menamakan beliau sebagai Perwakilan. Ini kerana berdasarkan Seksyen 43(5) Akta Koperasi 1993, keperluan tempoh minimum dua tahun keanggotaan tidak terpakai kepada koperasi sekolah. Sebagai tambahan, UUK 27(3) juga memperuntukkan bahawa koperasi sekolah tidak tertakluk kepada syarat tempoh minimum keanggotaan tersebut.</p> <p><u>Seksyen 43(5) Akta koperasi:</u></p> <p><i>(4) Dari tahun ketiga pendaftaran sesuatu koperasi, tiada seorang pun boleh dilantik sebagai anggota Lembaga koperasi itu melainkan jika dia telah menjadi anggota koperasi itu bagi tempoh minimum dua tahun.</i></p> <p><i>(5) Subseksyen (4) tidak terpakai bagi sesuatu koperasi yang anggotanya berjumlah lima puluh orang atau kurang dan bagi sesuatu koperasi sekolah.</i></p> <p><u>UUK 27 (3)</u> - <i>Bagi mana-mana koperasi anggota yang kurang daripada lima puluh orang atau kurang dan bagi sesuatu koperasi sekolah adalah tidak tertakluk kepada perenggan (a) fasal (2).</i></p>

Disediakan oleh :

Bahagian Pengurusan Sekretariat dan Tadbir Urus

Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA)

3 April 2026